



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Pelantikan Penilai Bebas Luar Negara Sebagai Profesor Pelawat Kehormat

Tujuan Pelantikan Profesor Pelawat Kehormat

Tujuan pelantikan Profesor Pelawat Kehormat ini adalah untuk:

- **Meningkatkan peratusan bilangan staf antarabangsa** bagi mencapai KPI UPM dan *international faculty* dalam penarafan universiti di peringkat antarabangsa, misalnya *Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking* dan *QS Asia University Ranking*.
- UPM akan menjadi pusat rujukan sepanjang tahun yang mengumpulkan para akademik, pelajar, tokoh korporat dan pihak industri dalam program perkongsian Profesor Pelawat Kehormat.
- Perkongsian ilmu dalam pelbagai bidang kepakaran untuk dimanfaatkan oleh komuniti dalam dan luar kampus.

Latar Belakang / Polisi

1. Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya yang ke-600 pada 17 dan 18 Januari 2017 (Minit 600.05(j) sebagaimana disahkan pada 25 Januari 2017) telah memperaku cadangan **pelantikan penilai bebas luar negara sebagai Profesor Pelawat Kehormat, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).**
2. LPU menerusi Minit 122/16 pada 12 Februari 2018 telah bersetuju meluluskan **Skim Perkhidmatan Akademik dan Bukan Akademik Universiti Putra Malaysia secara Kontrak.** Salah satu jawatan yang disenaraikan dalam skim tersebut adalah Profesor Pelawat Kehormat.
3. Pelantikan Profesor Pelawat Kehormat dilantik dalam kalangan penilai bebas luar negara berjawatan Profesor yang dilantik oleh Senat untuk menilai kenaikan pangkat pegawai akademik ke jawatan Profesor/Prof. Madya.
4. Pelantikan penilai bebas luar negara sebagai Profesor Pelawat Kehormat dilaksanakan setelah mendapat kelulusan LPU dan **calon bersetuju dengan pelawaan** UPM untuk dilantik sebagai Profesor Pelawat Kehormat.

Skim Perkhidmatan Profesor Pelawat Kehormat

1.	JAWATAN	Profesor Pelawat Kehormat Gred UDD
2.	PENEMPATAN	Penempatan di Fakulti ketika hadir ke UPM
3.	TUJUAN PELANTIKAN	Jawatan ini diwujudkan dengan hasrat untuk: i) mendapatkan profesor yang hebat dalam sesuatu bidang kepakaran bagi menilai kenaikan pangkat ke jawatan profesor di UPM; ii) memperoleh perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bidang kepakaran yang dapat memberi manfaat kepada fakulti dan universiti; dan iii) meningkatkan jumlah <i>international faculty</i> bagi memenuhi kriteria ranking universiti.
4.	TERMA LANTIKAN	Separuh masa
5.	TEMPOH LANTIKAN	Satu (1) tahun sehingga tiga (3) tahun
6.	SYARAT PELANTIKAN	Seorang Profesor yang diperaku dan diluluskan oleh Senat sebagai penilai bebas bagi kenaikan pangkat pegawai akademik ke jawatan professor, seterusnya pelantikan sebagai Profesor Pelawat Kehormat di UPM telah mendapat kelulusan LPU dan tertakluk kepada persetujuan calon.

Skim Perkhidmatan Profesor Pelawat Kehormat

7.	HONORARIUM	RM1,000 sehari semasa hadir di UPM (terhad kepada 14 hari setahun) (Fixed All-In)
8.	KEMUDAHAN PERUBATAN	Kelayakan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Kesihatan UPM dan klinik/hospital kerajaan
9.	KEMUDAHAN PENGINAPAN	Tanggungannya sendiri
10.	TAMBANG PENERBANGAN	Kelas ekonomi untuk pegawai sahaja, satu kali sahaja dalam setahun
11	BIDANG TUGAS	i) Memberi syarahan/ ceramah/ seminar/ bengkel dalam bidang kepakaran mengikut keperluan fakulti/universiti dari semasa ke semasa (dalam tempoh berada di UPM); dan ii) Memberi khidmat nasihat kepada fakulti dalam pembangunan akademik dan kurikulum serta penyelidikan.
12.	CUTI	Tiada
13.	KERETA RASMI	Tiada
14	LAIN-LAIN KEMUDAHAN	Tiada

Skim Perkhidmatan Profesor Pelawat Kehormat

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke-655 melalui Minit 655.05(k) telah meluluskan peruntukan bagi setiap fakulti seramai 6 orang Profesor Pelawat Kehormat untuk hadir ke kampus Universiti Putra Malaysia pada 2018/2019 dengan kos perbelanjaan RM1.92 juta (16 fakulti x 6 orang = 96 Profesor Pelawat Kehormat).
- Seterusnya, Universiti telah memperuntukkan bajet yang sama setiap tahun untuk skim Profesor Pelawat Kehormat termasuk bagi tahun ini.
- Dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Dekan ke 136.

6 orang Profesor Pelawat Kehormat bagi setiap Fakulti hadir ke kampus UPM pada setiap tahun.

**16 Fakulti x 6 = 96
Profesor Pelawat Kehormat**

Jumlah peruntukan

96 x RM20,000 = RM1,920,000

Peruntukan Kewangan

Honorarium:

Profesor Pelawat Kehormat akan dibayar sebanyak RM1,000 (*Fixed All-In*) sehari semasa hadir di UPM (terhad kepada 14 hari setahun)







Penerbangan:

Layak untuk kelas ekonomi untuk satu kali perjalanan dalam tempoh lantikan (diri sendiri sahaja) (RM6,000 maksimum)





Penginapan:

Tanggungannya sendiri

Carta Alir Pelaksanaan

Tanggung jawab	Carta alir		Perincian
			
Fakulti	 ↓	1.2	Fakulti berhubung dengan calon (daripada senarai yang telah diluluskan) untuk mendapatkan persetujuan awal calon.
Fakulti	 ↓	1.3	Fakulti menghantar nama calon yang bersetuju untuk dilantik sebagai Profesor Pelawat Kehormat (PPK) kepada Pejabat Pendaftar.
Pejabat Pendaftar	 ↓	1.4	Pejabat Pendaftar menghantar surat lantikan kepada calon.
Calon	 ↓	1.5	Calon kembalikan borang persetujuan lantikan kepada Pejabat Pendaftar.
Pejabat Pendaftar	 ↓	1.6	Pejabat Pendaftar input data dalam Sistem HR Portal dan maklumkan kepada Fakulti.

Carta Alir Pelaksanaan

Fakulti		1.7	Fakulti merancang dan melaksana program Profesor Pelawat Kehormat di UPM (terhad kepada 14 hari setahun).
Fakulti		1.8	Fakulti menghantar laporan kepada Pejabat Pendaftar (untuk dibentangkan dalam Bengkel KPI UPM pada setiap suku tahun)
Pejabat Pendaftar		1.9	Arahan bayaran kepada Bursar oleh Pejabat Pendaftar (akan diperincikan dengan Pejabat Bursar)
			



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
03-9769 1569 / 3329